



7 Mei 2013
7 May 2013
P.U. (A) 152

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN 2013

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT
ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN 2013

BAHAWASANYA menurut Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah melantik Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Kerajaan Persekutuan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 6 Mei 2013.

Fungsi-fungsi Menteri

2. Diberitahu bahawa Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, adalah dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai semua jabatan Kerajaan Persekutuan dan perkara yang baginya jabatan itu bertanggungjawab sehingga pelantikan Menteri lain dalam Jemaah Menteri.

Pembatalan

3. Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009 [*P.U. (A) 222/2009*] dibatalkan.